# Penyair jayakan Majlis Santai Puisi Bersama Sasterawan Negara

UB 7-11-2019 15

**KOTA KINABALU:** Meskipun program yang diadakan agak santai, tetapi penyair-penyair Sabah termasuk mahasiswa menggegarkan Anjung Siswa dengan pembacaan puisi mereka, dengan pelbagai gaya menarik dan istimewa.

Majlis Santai Puisi bersama Sasterawan Negara Prof Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh berlangsung dengan amat menarik.

Pengurusan dan JAKMAS Kolej Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher turut sama menjayakan program yang mampu menyuburkan semangat bersastera dalam kalangan masyarakat khususnya mahasiswa.

Antara penyiar yang menjayakan program itu ialah Budayawan Negeri Datuk Haji Ismaily Bungsu, Sasterawan Negeri Datuk Jasni Matlani, tokoh seni terkenal penyair Ramli AR, juara Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan Datu Ruslan Sulai, penyair Hasyuda Abadi yang juga Ketua Penasihat IPS, Nelson Dino, James Taling, Ketua Satu IPS, Abd Naddin Haji Shaiddin, Pengerusi Persatuan Sastera, Seni Budaya Kota Belud, Norawi Haji Kata dan tokoh Sajen, Prof Madya Dr Mohd Fuad Bebit dan penyair dari UMS yang diwakili Kelab Sastera Mahasiswa (Karma), Suara Mahasiswa dan Borneo Komrad.

Majlis Santai Puisi bersama Sasterawan Negara adalah satu program yang sangat baik dan bermanfaat untuk khalayak sastera di negeri ini.



**BERSAMA SASTERAWAN NEGARA:** Prof Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh diraikan dalam majlis Santai Puisi.



**CENDERAMATA:** Prof Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh menerima cenderamata dari Dekan Fakulti Seni dan Warisan.



**BACA PUISI:** Prof Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh membacakan puisi.



**MENARIK:** Prof Madya Dr Mohd Fuad Bebit bersama Nelson Dino.




**CINTA SENI:** Persembahan dari UMS.